




Soalan Objektif

Setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.
 Each question is followed by four choices of answers, A, B, C, and D. For each question, choose one answer only.

1.1 Sistem Saraf Manusia
Human Nervous System

Buku Teks: m.s. 4 – 10

1. Rajah 1 menunjukkan sistem saraf manusia.
 Diagram 1 shows the human nervous system.



Rajah 1 / Diagram 1


Apakah X dan Y?
 What is X and Y?

	X	Y
A	Sistem saraf pusat Central nervous system	Sistem saraf periferi Peripheral nervous system
B	Sistem saraf pusat Central nervous system	Sistem saraf deria Sensory nervous system
C	Sistem saraf periferi Peripheral nervous system	Sistem saraf pusat Central nervous system
D	Sistem saraf periferi Peripheral nervous system	Sistem saraf deria Sensory nervous system

1.2 Rangsangan dan Gerak Balas dalam Manusia
Stimuli and Responses in Humans

Buku Teks: m.s. 11 – 29

2. Rajah 2 menunjukkan satu fenomena yang membuktikan had deria penglihatan kita.
 Diagram 2 shows a phenomenon that prove the limitation of our sight.



Rajah 2 / Diagram 2

Garis PQ dan garis RS kelihatan tidak sama panjang disebabkan oleh
 Line PQ and line RS are seen to have different length as a result of

- A ilusi optik / optical illusion
- B bintik buta / blind spot
- C astigmatisme / astigmatism
- D penglihatan monokular / monocular vision

3. Maklumat berikut adalah tentang struktur X dalam mata manusia.
 The following information is about structure X in the human eye.

- Mengelakkan pantulan cahaya dalam mata
Prevents the reflection of light in the eye
- Membekalkan mata dengan bekalan darah
Supplies the eye with blood

Apakah struktur X?
 What is structure X?

- A Retina
- B Koroid
- C Saraf optik
Optic nerve
- D Gelemaca
Vitreous humour

4. Mengapakah kita tidak dapat menghidu bau dengan baik apabila mengalami selesema?
Why are we unable to smell properly when experiencing a flu?

- A Kerana deria bau tidak berfungsi apabila kita mengalami selesema
Because the sense of smell does not function when we experience flu
- B Kerana deria bau telah rosak dan belum pulih semula
Because the sense of smell is damaged and not yet recovered
- C Kerana deria bau telah tersumbat oleh mukus yang terlalu banyak
Because the sense of smell is blocked by a lot of mucus
- D Kerana deria bau telah hilang keupayaannya untuk menghantar impuls yang betul ke otak
Because the sense of smell has lost its ability to send the correct impulse to the brain

5. Nenek Suraya tidak dapat mendengar dengan baik apabila Suraya bercakap dengan suara yang lembut.

Antara berikut, yang manakah menerangkan situasi tersebut?

Suraya's grandmother is unable to hear properly when Suraya speaks with a soft voice.

Which of the following explains the situation?

- A Salur telinga telah tersumbat
The ear canal is blocked
- B Gegendang telinga telah hilang kekenyalannya
The eardrum has lost its elasticity
- C Koklea telah rosak
The cochlea is damaged
- D Saraf auditori telah putus
The auditory nerve is detached

1.3

Rangsangan dan Gerak Balas dalam Tumbuhan

Stimuli and Responses in Plants

Buku Teks: m.s. 30 – 35

6. Pucuk tumbuhan sentiasa bertumbuh ke arah cahaya matahari untuk membolehkannya melakukan proses fotosintesis. Gerak balas tumbuhan ini juga dikenali sebagai
The shoot of plants always grows in the direction of sunlight to enable them to carry out photosynthesis. This response of plants is also known as

- A fototropisme positif
positive phototropism
- B fototropisme negatif
negative phototropism
- C geotropisme positif
positive geotropism
- D hidrotropisme positif
positive hydrotropism

7. Antara berikut, yang manakah menunjukkan gerak balas hidrotropisme positif dalam tumbuhan?

Which of the following shows positive hydrotropism response in plants?

- A Pucuk bergerak mendekati sumber air
The shoot moves towards the water source
- B Pucuk bergerak menjauhi sumber air
The shoot moves away from the water source
- C Akar bergerak mendekati sumber air
The roots move towards the water source
- D Akar bergerak menjauhi sumber air
The roots move away from the water source


1.4

Kepentingan Gerak Balas terhadap Rangsangan dalam Haiwan Lain

Importance of Responses to Stimuli in Animals

Buku Teks: m.s. 36 – 39

8. Rajah 3 menunjukkan sejenis haiwan.
Diagram 3 shows a type of animal.



Rajah 3 / Diagram 3

Antara berikut, yang manakah betul tentang medan penglihatan haiwan ini?

Which of the following is correct about the field of vision of this animal?

- A Penglihatan stereoskopik
Stereoscopic vision
- B Dapat menganggar jarak dengan tepat
Able to estimate distance accurately
- C Melibatkan kedua-dua belah mata
Involves both sides of eyes
- D Medan penglihatan yang luas
Wide field of vision